



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 23 APRIL 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Audit stesen minyak elak ketirisan

PETALING JAYA: Pelaksanaan audit terhadap semua stesen minyak khususnya yang berada berhampiran pintu sempadan negara perlu dilaksanakan bagi memperkukuh penguatkuasaan serta membendung aktiviti penyeludupan petrol dan diesel.

Tindakan itu dijangka mampu menyelamatkan kerajaan daripada menanggung kerugian jutaan ringgit akibat aktiviti penyeludupan minyak yang aktif dijalankan khususnya di kawasan berhampiran sempadan negara.

Pelaksanaan audit itu dianggap tindakan paling sesuai bagi mengetahui pergerakan bekalan petrol dan diesel bersubsidi daripada disalahguna pihak tidak bertanggungjawab untuk meraih keuntungan susulan krisis harga bahan api dihadapi seluruh dunia.

Penganalisis ekonomi, Prof. Emeritus Dr. Barjoyai Bardai berkata, mekanisme itu sepatutnya sudah dilaksanakan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi kawal aktiviti salah guna bahan petrol dan diesel bersubsidi.

Katanya, KPDN boleh menggunakan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI) untuk mengetahui urusan niaga penjualan petrol dan diesel di setiap stesen minyak memandangkan transaksi itu sudah pun diperketatkan dengan penggunaan MyKad.

"Ini sepatutnya tugas KPDN, mereka bukan saja menyelidik tetapi memantau pergerakan petrol dan diesel di setiap stesen minyak seluruh negara khususnya berhampiran sempadan.

"Ia merupakan asas penting kerana kerajaan masa kini tidak dapat memberikan harga bahan api rendah tetapi ia boleh dikawal dari sudut salah guna oleh pihak-pihak tidak

bertanggungjawab," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata, pementauan berterusan dan tindakan tegas perlu memandangkan negara kini terhadap krisis harga minyak akibat pasaran global yang tidak menentu.

"Sekiranya didapati tahap minyak di stesen-stesen ini berubah mendadak setiap hari barulah lakukan audit untuk mengetahui dengan lebih terperinci. Tak susah pun hendak mengawal stesen minyak ini," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmiad berkata, pelaksanaan audit di stesen minyak berhampiran sempadan adalah inisiatif baik bagi memastikan dan mengekang ketirisan minyak khususnya melibatkan RON95 bersubsidi.

Katanya, mekanisme itu dapat membendung dan memperkukuhkan penguatkuasaan aktiviti penyeludupan yang masih berlaku di sempadan negara dan kembali meningkat ketika dunia diancam peperangan.

"Kesan ketara apabila peperangan kembali berlaku adalah terhadap penawaran minyak mentah dan harga yang meningkat mendadak. Makanya wajar bagi kerajaan melindungi hak subsidi dan wang rakyat untuk kegunaan domestik sahaja.

"Jadi langkah pengauditan ini dilihat antara mekanisme yang mampu memberi impak ke atas pengawal penyeludupan daripada terus berleluasa," katanya.

Kelmarin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) mematahkan cubaan menyeludup 700,000 liter diesel Euro 5 dianggar bernilai lebih RM5.43 juta di perairan Bagam Ajam.

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Satu notis dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan terhadap sebuah premis mengenakan caj RM30 bagi membaiki kalkulator yang dimasukkan air.

Timbalan Pengarah KPDN Kelantan, Aswadi Jafar berkata, pihaknya memberi notis kepada premis itu, kelmarin.

Katanya, notis dikeluarkan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

"Peniaga berkenaan dikehendaki mengemukakan maklumat lengkap berkait-

'Bedal' RM30 baiki kalkulator masuk air

KPDN minta peniaga di Kota Bharu beri maklumat lengkap harga perkhidmatan diberikan dalam tempoh empat hari

tan harga perkhidmatan yang diberikan dalam tempoh empat hari bekerja bagi tujuan siasatan lanjut.

"Kita akan meneliti sama ada wujud unsur pencatutan atau sebarang pelanggaran dalam urus niaga berkenaan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya juga menerima satu aduan rasmi daripada orang awam.

"Pemantauan akan diper-



Kita akan meneliti sama ada wujud unsur pencatutan atau sebarang pelanggaran dalam urus niaga berkenaan"

Aswadi



TANGKAP layar video tular peniaga dipercayai kenakan caj RM30 untuk membaiki kalkulator seorang pelanggan.

tingkatkan bagi memastikan tidak ada sebarang cubaan manipulasi kepada pengguna. Sekiranya ada, tindakan tegas akan diambil demi melindungi kepentingan pengguna.

"Pada masa sama, orang ramai digalakkan menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa sekiranya mengesan sebarang aktiviti manipulasi atau salah laku peniaga," katanya.

Terdahulu, tular mengenai caj RM30 untuk membaiki kalkulator rosak akibat dimasukkan air yang mendapat perhatian orang ramai selepas resit bayaran tersebar di media sosial.

Orang ramai mempersoalkan kadar caj itu dan menyifatkannya tidak setimpal dengan kos membaiki kerosakan termasuk menukar bateri terpakai.

**Caj baiki heret
peniaga ke siasatan
KPDN**

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN

KOTA BHARU—Tindakan sebuah premis mengenakan caj RM30 bagi membaiki kalkulator rosak akibat dimasuki air mengundang padah apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mengeluarkan notis terhadap peniaga terbabit susulan kes itu tular di media sosial.

Timbalan Pengarah KPDN Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, pihaknya menjalankan siasatan segera sebaik pihaknya menerima aduan rasmi berhubung caj yang disifatkan tidak munasabah itu.

Menurut beliau, tindakan diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) dengan mengeluarkan notis pengesahan maklumat barangan atau perkhidmatan kepada peniaga terbabit.

"Peniaga berkenaan di-

kehendaki mengemukakan maklumat lengkap berkaitan harga perkhidmatan tersebut dalam tempoh empat hari bekerja bagi tujuan siasatan lanjut.

"Kami mahu meneliti sama ada wujud unsur pencatutan atau sebarang pelanggaran peraturan yang boleh menjejaskan pengguna," katanya kepada pemberita pada Rabu.

Aswadi berkata, KPDN tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan ke atas pengguna melalui penetapan harga tidak munasabah.

Ujarnya, pemantauan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan hak pengguna sentiasa terpelihara.

"Sebarang cubaan manipulasi pengguna akan diambil tindakan tegas demi melindungi kepentingan rakyat dan negara," katanya.

Pada masa sama beliau turut menggesa orang ramai tampil me-

RM30 baiki kalkulator



Premis dikenakan notis KPDN Kelantan selepas caj RM30 baiki kalkulator tular.

nyalurkan maklumat sekiranya mengesan sebarang salah laku peniaga atau aktiviti manipulasi harga di kawasan masing-masing.

Tambahnya, aduan boleh dibuat menerusi WhatsApp di talian 019-848 8000 atau talian hotline 24 jam di 09-741 6000 serta 03-

8882 6088 atau 6245.

Terdahulu, isu caj RM30 untuk membaiki kalkulator yang rosak akibat dimasuki air menjadi perhatian ramai selepas resit bayaran berkenaan tersebar di media sosial.

Kebanyakan netizen memper-

Peniaga berkenaan
dikehendaki
mengemukakan
maklumat lengkap
berkaitan harga
perkhidmatan tersebut
dalam tempoh empat
hari bekerja bagi
tujuan siasatan lanjut."

- Aswadi Jaafar

soalkan kadar caj tersebut apabila menyifatkannya tidak setimpal kos pembaikan, malah ada yang menganggap harga itu lebih mahal daripada nilai kalkulator baharu.

Inspection of lorry at petrol station uncovers diesel abuse bid

KUCHING: A man was detained by Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) officers on suspicion of misappropriating 650 litres of diesel here on Monday.

KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin said the individual, a local in his 40s, was spotted arriving at a petrol station in a suspicious-looking lorry around 2.30pm and subjected to an inspection.

"The on-duty officers discovered two intermediate bulk containers in the rear compartment of the lorry, holding 650 litres of diesel valued at RM1,397.50.

"It is believed the suspect had obtained diesel from another source," he said in a statement, adding the total value of seizures, including the lorry, amounted to RM23,797.50.

The case is being investigated under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 for unlawful possession or control of controlled goods.

Matthew said KPDN Sarawak will continue to monitor and enforce the law at petrol stations in identified hotspot areas to curb the misappropriation of controlled goods, particularly diesel.

This, he stressed, is to ensure that government subsidies reach the intended target groups and abused by irresponsible parties.

KPDN Perak menyita 1,000 liter diesel cuba diseleweng

IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menyita 1,000 liter diesel disyaki diseleweng dalam serbuan di sebuah stesen minyak di Kampar, kelmarin.

Pengarah KPDN Perak Datuk Kamalludin Ismail berkata serbuan dilakukan kira-kira 9 pagi oleh sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa menerusi Ops Tiris 4.0.

“Ia dijalankan hasil risikan berhubung kegiatan penyelewengan minyak diesel yang dipercayai diperoleh dari beberapa stesen minyak di kawasan sekitar.

“Hasil pemantauan selama seminggu membawa kepada penemuan sebuah lori kargo tiga tan yang disyaki digunakan dalam kegiatan ini,” katanya dalam kenyataan semalam.

Kamalludin berkata siasatan mendapati kenderaan tersebut telah diubah suai dengan pemasangan tangki

tambahan berkapasiti kira-kira 3,000 liter yang diletakkan di bahagian muatan bagi tujuan mengumpul diesel.

Beliau berkata sindiket itu dipercayai beroperasi pada lewat malam bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

“Modus operandi mereka melibatkan pembelian dan pemindahan diesel ke dalam tangki yang telah diubah suai. Sindiket tersebut dipercayai menjual semula kepada pihak industri di pasaran gelap.

“Dalam operasi ini, seorang lelaki tempatan berumur 56 tahun yang merupakan pemandu lori telah ditahan bagi membantu siasatan,” katanya.

Kamalludin berkata turut disita sebuah lori tiga tan jenis Canter, tiga unit tangki jenis Intermediate Bulk Container (IBC), satu unit pam, satu set hos serta satu resit pembelian diesel dan kesemua nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM49,370. — Bernama

改装罗里深夜添油避執法 不法集團收柴油牟利

（金宝22日讯）不法集团涉嫌改装罗里油箱大量收集柴油，司机为躲避执法单位侦查，选择深夜添油后再转售黑市牟利，此行径昨晚在油站被内贸局揭发，当场起获约1000公升柴油，一名56岁本地司机被捕助查。

霹雳州国内贸易及生活费局局长拿督卡马鲁丁发文告指出，当局执法人员于昨晚9时，在金宝一家油站展开“补漏行动4.0”（OPS TIRIS 4.0）。

监控一周后执法

他说，此次突击行动根据情报展开，指有集团涉嫌从周边多间油站进行柴油滥用及走私活动。经过一周监控后，执法人员发现一辆3吨罗里疑涉及相关活动。

他指出，调查发现，该辆罗里经过改装并加装附加油

箱，总容量约达3000公升，用于收集柴油。

“该犯罪集团为避开执法，通常在深夜添购柴油，并将所购柴油转移至改装油箱，随后通过黑市转售予工业用户。”

他披露，行动中一名56岁本地男子，即罗里司机被扣留协助调查。

他表示，执法人员除充公上述约1000公升柴油外，也扣押该辆罗里、3个IBC储罐、一台泵机、一套软管组件及一张柴油购买收据，被充公物品总值估计为4万9370令吉。

他说，案件援引1961年统制品法令展开调查，涉嫌在未获供应官书面批准下非法持有或储存受管制柴油。

他补充，一旦罪成，个人可被罚款不超过100万令吉，或监禁不超过3年，或两者兼施；公司或机构初犯则可被罚款不超过200万令吉，再犯罚款不超过500万令吉。



动侦破。（霹内贸局提供）
油收集与转售活动，遭内贸局展开执法行
← 不法集团涉嫌改装罗里油箱进行柴



罗里司机为规避执法单位侦查，通常在深夜添油。（霹内贸局提供）

此外，他也呼吁公众成为执法单位的耳目，如掌握任何信息，尤其是涉及统制品和津贴品的违规行为，应予以举报。民众可向附近的国内贸易及生活费局投报，或通过以下方式举报：WhatsApp（019-848 8000）、网站（<http://e-aduan@kpdn.gov.my>）、热线（1-800-886-800）、电邮（e-aduan@kpdn.gov.my）或手机应用程序Ez Adu KPDN。

(金宝22日讯)不法集团涉嫌改装罗里油箱大量收集柴油,56岁司机为躲避执法单位侦查,选择深夜添油后再转售黑市牟利,惟昨晚在油站被内贸局揭发,逮捕司机后,当场起获约1000公升柴油。

霹靂州国内贸易及生活费局局长拿督卡马鲁丁说,当执法人员于昨晚9时,在金宝一家油站展开“补漏行动4.0”(OPS TIRIS 4.0)。

他今日发文告披露,此次突击行动根据情报展开,指有集团涉嫌从周边多间油站进行柴油滥用及走私活动。

添柴油半夜賣黑市 逮司機充公羅里

经过一周监控后,执法人员发现一辆3吨罗里疑涉及。

他指出,根据调查发现,罗里经过改装并加装附加油箱,总容量约达3000公升,用于收集柴油。

卡马鲁丁说,犯罪集团为避开执法,通常在深夜添购柴油,并将所购柴油转移至改装油箱,随后通过黑市转售予工业用户。

他披露,行动中一名56岁

男子,即罗里司机被扣留协助调查。

吁公众充当耳目

他表示,执法人员除了充公1000公升柴油外,也扣押罗里、3个IBC储罐、一台泵机、一套软管组件及一张柴油购买收据,被充公物品总值估计为4万9370令吉。

他说,案件援引1961年统制品法令展开调查,涉嫌在

未获供应官书面批准下非法持有或储存受管制柴油。

此外,卡马鲁丁也呼吁公众成为执法单位的耳目,如掌握任何信息,尤其是涉及统制品和津贴品的违规行为,应举报。

民众可向附近的国内贸易及生活费局投报,或通过以下方式举报:WhatsApp(019-848 8000)、网站(<http://e-aduan@kpdn.gov.my>)、热线(1-800-886-800)、电邮(e-aduan@kpdn.gov.my)或手机应用程序Ez Adu KPDN。(TSI)



■不法集团涉嫌改装罗里油箱进行柴油收集与转售活动,遭内贸局展开执法行动侦破。(霹內貿局提供)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

30 peratus pesawah dijangka 'berehat' akibat kenaikan kos

Alor Setar: Kira-kira 30 peratus pesawah di seluruh negara dijangka tidak dapat dapat memulakan musim tanaman padi baharu susulan peningkatan kos yang semakin membebankan.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSA-WAH), Abdul Rashid Yob, berkata mengikut anggaran semasa, ada kira-kira 200,000 pesawah di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, mereka berdepan tekanan kos operasi, terutama membabitkan kenaikan harga diesel kesan krisis tenaga global, menyebabkan ada pesawah memilih 'berehat' sementara menunggu keadaan pulih, manakala sebahagian lagi beralih kepada tanaman lain seperti jagung, sayur-sayuran dan sawit.

"Kira-kira 30 peratus pesawah yang berhenti sementara, bertukar tanaman buat kolam ikan dan ada juga yang hanya tanam padi untuk kegunaan sendiri contoh kalau petani ada sehektar sawah, mungkin dia tanam suku hektar untuk makan sendiri.

"Jika diambil kira keluasan kira-kira 600,000 hektar kawasan sawah di seluruh negara, kesannya memang besar kepada pengeluaran padi," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kos operasi meningkat mendadak menyebabkan ramai pe-

sawah tidak lagi mampu menanggung perbelanjaan, termasuk penggunaan jentera dan pembelian diesel pada harga pasaran.

Katanya, kos membajak misalnya, meningkat sehingga lebih 50 peratus berbanding sebelum ini, sekali gus menekan pendapatan pesawah yang sedia terkesan.

"Bila harga diesel naik turun setiap minggu, pesawah dan pengusaha jentera tidak boleh menetapkan kadar upah yang stabil, ini menyukarkan keseluruhan rantaian pengeluaran padi.



Abdul Rashid Yob

"Keadaan pesawah, pemilik jentera masing-masing tersepit," katanya.

Mengulas bantuan kerajaan, Abdul Rashid berkata, penambakan Insentif Pembajakan kepada Pesawah kepada RM300 sehektar masih belum mencukupi untuk menampung kos sebenar di lapangan.

Katanya, bantuan itu tidak menyelesaikan masalah kerana pengusaha jentera masih perlu membeli diesel tanpa subsidi menyebabkan kos terus meningkat dan ditanggung pesawah.

"Jadi, pihak kami berharap kerajaan memasukkan jentera pertanian padi ke dalam Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SK-DS) bagi membolehkan pesawah menikmati harga diesel yang lebih stabil.

"Selain itu, kerajaan juga disarankan mempertimbangkan kenaikan harga lantai padi kepada RM3,000 per tan sebagai penyelesaian jangka panjang bagi menjamin kelangsungan pesawah.

"Kalau harga lantai tidak disemak semula, pesawah akan terus berdepan kerugian. Kita perlukan langkah lebih menyeluruh, bukan sekadar insentif jangka pendek," katanya.

SKDS kawal kos pengangkutan, stabil harga barang

Program subsidi di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) berjaya mengawal kos pengangkutan daripada kesan kenaikan harga bahan api, sekaligus membantu mengekalkan kestabilan harga barangan.

Penganalisis RHB Investment Bank Bhd, Soong Wei Siang, berkata syarikat-syarikat di bawah liputan bank pelaburan itu yang terlibat dalam pengedaran produk pengguna setakat ini tidak berdepan peningkatan kos keta meskipun berlaku lonjakan harga bahan api baru-baru ini.

Beliau berkata, impak kenaikan harga diesel terhadap kos pengangkutan dapat dikawal melalui pelaksanaan program subsidi armada di bawah SKDS dengan kos diesel bagi tujuan pengangkutan lazimnya hanya merangkumi sekitar satu hingga dua peratus daripada kos barang

dijual (COGS).

"Lonjakan harga bahan api tidak memberi kesan besar kepada kos keseluruhan kerana komponen diesel dalam pengangkutan adalah kecil, ditambah pula dengan sokongan subsidi kerajaan," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Bagaimanapun, Wei Siang menjelaskan syarikat yang menggunakan diesel untuk tujuan industri atau pertanian tidak menikmati subsidi itu dan perlu membayar harga pasaran.

Beliau berkata, antara syarikat terlibat termasuk Farm Fresh, QL Resources dan Power Root, namun kesan terhadap kos keseluruhan masih dianggap minimum.

Katanya, dalam perkembangan berkaitan yang lain, peningkatan kadar tambang pengantaran berpotensi menambah kos bagi syarikat yang banyak

mengimport barangan atau bahan mentah, termasuk peruncit dan pengeluar makanan serta minuman.

Namun, kesannya terhadap peruncit dijangka terhad memandangkan kebanyakan mereka menggunakan laluan penghantaran intra-Asia dan kos penghantaran hanya mewakili sebahagian kecil daripada jumlah kos.

Sebaliknya, pengeluar makanan yang bergantung kepada import dari luar Asia dijangka menerima impak lebih ketara, khususnya dalam keadaan harga bahan mentah global yang meningkat.

"Dari segi komoditi, resin plastik dan minyak sawit mentah (MSM) merupakan antara bahan utama yang mencatatkan kenaikan harga. Kenaikan harga MSM berpotensi meningkatkan kos pengeluaran bagi syarikat tertentu

sekitarnya tiada perlindungan harga dilaksanakan.

"Selain itu, syarikat dalam sektor barangan pengguna berge-rak pantas (FMCG) dan minuman yang bergantung kepada pembungkusan plastik turut berdepan tekanan kos berikutan kenaikan harga resin plastik," katanya.

Mengulas lanjut, Wei Siang berkata, walaupun terdapat gangguan terhadap laluan perkapalan dan bekalan minyak, kebanyakan syarikat masih belum berdepan sebarang isu besar dalam mendapatkan bahan mentah.

Namun, beliau berkata, sekiranya tempoh konflik terus berpanjangan serta tahap gangguan rantaian bekalan meningkat, ia berpotensi menyebabkan sebahagian kenaikan kos menjadi sukar dipulihkan dalam jangka masa terdekat.

Menurutnya, dalam perseki-

taran inflasi sebegini, syarikat-syarikat mungkin perlu memin-dahkan kos tambahan kepada pengguna selepas mempertim-bangkan kesannya terhadap permintaan dan jumlah jualan.

"Kebiasaannya, syarikat yang menawarkan produk keperluan asas seperti 99 SpeedMart, Nestle dan Farm Fresh menikmati permintaan yang lebih tidak anjal, sekali gus mempunyai kuasa penetapan harga yang lebih kukuh.

"Sementara itu, syarikat yang mempunyai skala operasi lebih besar serta penampungan margin yang lebih kukuh seperti 99 SpeedMart, MR DIY dan QL Resources dijangka lebih berupaya menghadapi tekanan kos, berikutan fleksibiliti untuk memilih antara mengekalkan margin keuntungan atau mempertahankan pegangan pasaran," katanya.

SKDS bantu kestabilan harga barangan

Kuala Lumpur: Program subsidi di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) berjaya mengawal kos pengangkutan daripada kesan kenaikan harga bahan api, sekali gus membantu mengekalkan kestabilan harga barangan.

Penganalisis RHB Investment Bank Bhd, Soong Wei Siang berkata, syarikat-syarikat di bawah liputan bank pelaburan itu yang terbabit dalam pengedaran produk pengguna setakat ini tidak berdepan peningkatan kos yang ketara meskipun berlaku lonjakan harga bahan api baru-baru ini.

Beliau berkata, impak kenaikan harga diesel terhadap kos pengangkutan dapat dikawal melalui pelaksanaan program subsidi armada di bawah SKDS dengan kos diesel bagi tujuan pengangkutan la-

zimnya hanya merangkumi sekitar satu hingga dua peratus daripada kos barang dijual (COGS).

“Lonjakan harga bahan api tidak memberi kesan besar kepada kos keseluruhan kerana komponen diesel dalam pengangkutan adalah kecil, ditambah pula dengan sokongan subsidi kerajaan,” katanya dalam satu nota penyediaan.

Bagaimanapun, Wei Siang menjelaskan syarikat yang menggunakan diesel untuk tujuan industri atau pertanian tidak menikmati subsidi itu dan perlu membayar harga pasaran.

Beliau berkata, antara syarikat terbabit termasuk Farm Fresh, QL Resources dan Power Root, namun

kesan terhadap kos keseluruhan masih dianggap minimum.

Katanya, dalam perkembangan berkaitan yang lain, peningkatan kadar tambang penghantaran berpotensi menambah kos bagi syarikat yang banyak mengimport

barang atau bahan mentah, termasuk peruncit dan pengeluar makanan serta minuman.

Namun, kesannya terhadap peruncit dijangka terhadap memandangkan kebanyakan mereka menggunakan laluan penghantaran intra-Asia dan kos penghantaran hanya mewakili sebahagian kecil daripada jumlah kos.

Sebaliknya, pengeluar

makanan yang bergantung kepada import dari luar Asia dijangka menerima impak lebih ketara, khususnya dalam keadaan harga bahan mentah global yang meningkat.

“Dari segi komoditi, resin plastik dan minyak sawit mentah (MSM) merupakan antara bahan utama yang mencatatkan kenaikan harga. Kenaikan harga MSM berpotensi meningkatkan kos pengeluaran bagi syarikat tertentu sekiranya tiada perlindungan harga dilaksanakan.

“Selain itu, syarikat dalam sektor barangan pengguna bergerak pantas (FMCG) dan minuman yang bergantung kepada pembungkusan plastik turut berdepan tekanan kos berikutan kenaikan harga resin plastik,” katanya.

“
Lonjakan harga bahan api tidak memberi kesan besar kepada kos keseluruhan
Wei Siang

Harga diesel turun 85 sen, RON95 turun 15 sen

PUTRAJAYA - Harga runcit diesel di Semenanjung bagi tempoh 23 hingga 29 April turun 85 sen iaitu RM5.12 seliter berbanding RM5.97 seliter sebelum ini.

Kementerian Kewangan (MoF) memaklumkan, harga RON97 tanpa subsidi turut menurun 25 sen iaitu pada kadar RM4.85 seliter berbanding RM5.10 seliter.

Harga runcit RON95 juga dilaporkan turun sebanyak 15 sen iaitu ditawarkan pada kadar RM3.87 seliter berbanding RM4.02.

"Selaras dengan formula Automatic Pricing Mechanism (APM), untuk minggu ini, harga runcit diesel di

Semenanjung Malaysia dan harga runcit petrol RON95 dan RON97 diturunkan berikutan penurunan harga pasaran antarabangsa.

"Penurunan harga minggu ini berdasarkan formula APM yang mengambil kira purata harga minggu terdahulu.

"Walaupun terdapat pelarasan, harga petroleum kekal tinggi berbanding paras sebelum konflik," katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Dalam tempoh sama, MoF memaklumkan kerajaan masih mengekalkan harga bersubsidi secara bersasar kepada rakyat dan sektor tertentu.

Ini termasuk RON95 bersubsidi

(BUDI95) pada RM1.99 seliter; diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan pada RM2.15 seliter; Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) pada RM2.05 seliter serta Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) pada RM2.15 seliter.

MoF menjelaskan, kerajaan akan terus memantau rapi perkembangan semasa susulan konflik di Asia Barat yang berlarutan dan mengambil langkah terbaik.

Ia bagi memastikan keterjaminan bekalan bahan api di samping melindungi rakyat serta sektor ekonomi daripada impak penuh gangguan rantaian bekalan.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 APRIL 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Apr	KPDN rampas 1,000 liter diesel diseleweng di Kampar	https://www.kosmo.com.my/2026/04/22/kpdn-rampas-1000-liter-diesel-diseleweng-di-kampar/	KOSMO
23-Apr	Sindiket jual diesel pasaran gelap di Kampar tumpas	https://mgperak.com/sindiket-jual-diesel-pasaran-gelap-tumpas-di-kampar/	MALAYSIA GAZETTE PERAK
23-Apr	Cubaan seleweng 1,000 liter diesel ditumpaskan di Perak	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/cubaan-seleweng-1000-liter-diesel-ditumpaskan-di-perak/	BERITA RTM
23-Apr	1,000 litres of diesel seized, lorry driver held in Kampar raid	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/22/1000-litres-of-diesel-seized-lorry-driver-held-in-kampar-raid	THE STAR
23-Apr	KPDN Perak Sita 1,000 Liter Diesel Cuba Diseleweng	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2547983	BERNAMA
23-Apr	Peniaga caj RM30 baiki kalkulator diminta kemuka perincian kos pembaikan	https://www.kosmo.com.my/2026/04/22/peniaga-caj-rm30-baiki-kalkulator-diminta-kemuka-perincian-kos-	KOSMO
23-Apr	Peniaga caj RM30 baiki kalkulator diberi notis bawah Akta 723	https://www.utusan.com.my/berita/2026/04/peniaga-caj-rm30-baiki-kalkulator-diberi-notis-bawah-akta-723/	UTUSAN MALAYSIA
23-Apr	Padah caj RM30 tukar bateri kalkulator, peniaga dikenakan notis KPDN	https://www.sinarharian.com.my/article/776767/edisi/kelantan/padah-caj-rm30-tukar-bateri-kalkulator-peniaga-dikenakan-notis-	SINAR HARIAN

23-Apr	KPDN beri notis kepada premis caj RM30baiki kalkulator	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1349061/kpdn-beri-notis-kepada-premis-caj-rm30-baiki-kalkulator	HARIAN METRO
23-Apr	Shop told to explain RM30 charge for repairing water-damaged calculator	https://www.nst.com.my/news/regional/2026/04/1423698/shop-told-explain-rm30-charge-repairing-water-damaged-calculator	NEW STRAITS TIMES
23-Apr	Penglibatan sekolah dalam perlindungan harta intelek masih rendah	https://sabahmedia.com/2026/04/22/penglibatan-sekolah-dalam-perindungan-harta-intelek	SABAH MEDIA
23-Apr	KPDN Selangor bongkar lagi seleweng diesel stesen minyak	https://www.kosmo.com.my/2026/04/22/kpdn-selangor-bongkar-lagi-seleweng	KOSMO
23-Apr	KPDN Selangor Gagalkan Cubaan Seleweng Diesel Di Klang	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2548209	BERNAMA
23-Apr	KPDN Selangor gagalkan cubaan seleweng diesel di Klang	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-selangor-gagalkan-cubaan-seleweng	ASTRO AWANI
23-Apr	Selangor Domestic Trade ministry team foils diesel embezzlement attempt in Klang	https://theedgemalaysia.com/node/800936	THE EDGE MALAYSIA
23-Apr	KPDN gagalkan cubaan seleweng diesel di Klang	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2026/04/23/kpdn-gagalkan-cubaan-seleweng	FREE MALAYSIA TODAY
23-Apr	KPDN Selangor gagalkan lagi cubaan seleweng diesel, lori tangki diubah suai dirampas	https://harapan-daily.com/2026/04/22/kpdn-selangor-gagalkan-lagi-cubaan-seleweng-diesel-lori-tangki-diubah-suai	HARAPAN DAILY
23-Apr	Perak KPDN seizes 1,000 litres of diesel in Kampar raid	https://thesun.my/news/malaysia-news/crime/perak-kpdn-seizes-1000-litres-of-diesel-in-kampar-raid/	THE SUN